

# MARDI-UMS BANGUNKAN AGROMAKANAN

UB 08.04.2022 P.01

● Kerjasama diperkukuh menerusi MoU bagi peringkat penyelidikan, inovasi

Oleh Siti Aisyah Narudin

**KOTA KINABALU:** Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani di antara Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal memperkasakan lagi pembangunan sektor agromakanan khususnya di negeri ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, MoU berkenaan bertujuan mempertingkatkan penyelidikan dan inovasi antara UMS dan MARDI dalam projek penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Katanya, usaha itu dilaksanakan melalui pertanian pintar, pembangunan dan aplikasi sistem pemantauan berimej untuk prestasi pertumbuhan tanaman dalam kilang tanaman.

Menurutnya, kedua-

dua pihak turut dapat memantapkan aspek sains asas dan aplikasi dalam aktiviti R&D untuk menghasilkan teknologi bermutu dan berorientasikan industri.

“Pemindahan teknologi ke UMS juga adalah untuk meningkatkan lebih banyak penglibatan pembangunan penyelidikan dalam pembelajaran.

“Ia turut meningkatkan bilangan penyelidikan dan pembangunan berkualiti dalam bidang pertanian, meningkatkan penerbitan berimpak tinggi melalui penjana data saintifik yang terhasil,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena lawatan ke MARDI Sabah dan menyaksikan majlis menandatangani MoU di antara MARDI dan UMS di sini semalam.

Ronald berkata, sebagai sebuah agensi di bawah kementeriannya, MARDI banyak memberi sumbangan kepada pertumbuhan agromakanan di negara ini

dan juga Sabah.

Katanya, sejak ditubuhkan pada 1995 sehingga kini, MARDI Sabah berjaya memberi pelbagai kursus latihan kepada kira-kira 11,000 penduduk tempatan Sabah terutama melibatkan kursus-kursus teknologi dan latihan amali.

Selain itu jelasnya, MARDI juga berjaya memberi khidmat nasihat teknikal dan bimbingan technopreneur kepada 50 usahawan pertanian dan asas tani setahun.

Sehubungan itu katanya, pelbagai kemudahan infrastruktur berjaya dibangunkan melalui MARDI di Sabah antaranya bangunan pentadbiran, makmal analisis kimia yang berakreditasi, makmal pemrosesan makanan atau Testbed Teknologi MARDI, inkubator hasilan surimi, serta kemudahan infrastruktur yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti latihan, promosi teknologi dan pembangunan usahawan.



**LAWATAN:** Ronald (dua kiri) bersama tetamu jemputan lain menunjukkan produk yang dihasilkan di MARDI Sabah semasa lawatan itu.

“MoU ini akan mempergiatkan lagi usaha kerjasama strategik di antara MARDI dan UMS dalam menghasilkan lebih banyak kajian dan dapatan teknologi untuk membangunkan sektor agromakanan di Sabah.

“Kita mahu pastikan usaha

ini dapat menjamin aspek keselamatan makanan negara sekali gus menyumbang kepada peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

“Kementerian juga mahu memastikan sektor ini seiring dengan Revolusi Industri (IR) 4.0 dan

melipatkandakan keuntungan pembangunan ekonomi negara,” jelasnya.

Majlis menandatangani MoU itu diwakili oleh Ketua Pengarah MARDI Datuk Dr. Mohd Zabawi Abdul Ghani dan Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Datuk Badrul Hisham.